



PERJANJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH

DENGAN

HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

ADFA ()

(Nama PEGAWAI dan No. Kad Pengenalan)

Bertarikh pada hari bulan 20

Untuk Kegunaan Jabatan:

Kod Fail: / / JLD. ()

Program: Diploma Sains Pengurusan/Sarjana Sains Pengurusan

K
E
T
I
P

K
E
T
I
P

PERJANJIAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN

Perjanjian Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan ini (selepas ini disebut "**PERJANJIAN**") dibuat pada tarikh yang dinyatakan di **Bahagian 1 Jadual** kepada PERJANJIAN ini antara KERAJAAN MALAYSIA yang bagi tujuan PERJANJIAN ini diwakili oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Aras 1-13, Blok C1, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 Putrajaya (selepas ini disebut "**KERAJAAN**") sebagai pihak pertama dan pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di Bahagian 2 Jadual kepada PERJANJIAN ini (selepas ini disebut "**PEGAWAI**") sebagai pihak kedua.

Kedua-dua KERAJAAN dan PEGAWAI boleh dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau bersesama sebagai "Pihak-Pihak".

BAHAWASANYA -

- A. PEGAWAI pada tarikh PERJANJIAN ini adalah dalam perkhidmatan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-Agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri.
- B. PEGAWAI telah memohon dan KERAJAAN telah bersetuju untuk meluluskan Hadiah Latihan Persekutuan Dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh seperti yang dinyatakan di **Bahagian 4 Jadual** kepada PERJANJIAN ini sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran tetap daripada Jabatan Perkhidmatan Awam yang disalinkan kepada PEGAWAI yang butirannya dinyatakan di **Bahagian 3 Jadual** kepada PERJANJIAN ini (selepas ini disebut "**Surat Tawaran**").
- C. PEGAWAI telah menerima Surat Tawaran dan bersetuju untuk mengikuti Pengajian tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam PERJANJIAN ini dan Surat Tawaran tersebut.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. Definisi dan Tafsiran

1.1 Definisi

Di dalam PERJANJIAN ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah diberi maksud seperti yang berikut:

- "Hadiah Latihan Persekutuan" - ertinya elaun dan kemudahan seperti yuran Pengajian dan bantuan-bantuan lain yang PEGAWAI berkecukupan seperti yang dinyatakan dalam **Fasal 2(b) dan 2(c)** PERJANJIAN ini sama ada penuh atau separa;
- "Cuti Belajar" - ertinya cuti yang diluluskan oleh KERAJAAN kepada seseorang PEGAWAI bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, PEGAWAI dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
- "Cuti Belajar Bergaji Penuh" - ertinya cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang PEGAWAI untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut PEGAWAI dibayar gaji, imbuhan tetap dan elaun-elaun lain yang berkecukupan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan;
- "Cuti Tanpa Gaji" - ertinya cuti yang diluluskan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diperuntukkan dalam Perintah Am 14(a) Bab C;
- "Pengajian" - ertinya kursus ijazah lanjutan, ijazah sarjana muda, diploma, sijil atau apa-apa kursus yang akan diikuti oleh PEGAWAI seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran;
- "Tempoh Penajaan" - ertinya tempoh penajaan seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian 5 Jadual** kepada PERJANJIAN ini.

1.2 Tafsiran

- (a) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil kepada peruntukan-peruntukan dan bahagian-bahagian di dalam PERJANJIAN ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan pembacaan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada PERJANJIAN atau untuk dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan PERJANJIAN ini;
- (b) rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan-rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda dan digubal semula;
- (c) rujukan kepada lampiran, fasal, subfasal atau jadual adalah rujukan kepada lampiran, fasal, subfasal atau jadual dalam PERJANJIAN ini.

2. Tanggungjawab KERAJAAN

- (a) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam PERJANJIAN ini, KERAJAAN bersetuju untuk memberi Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan kepada PEGAWAI untuk mengikuti Pengajian di universiti, kolej atau institusi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran di **Bahagian 4 Jadual** kepada PERJANJIAN ini.
- (b) KERAJAAN akan membiayai yuran Pengajian yang PEGAWAI itu berkelayakan sama ada secara terus kepada pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi atau kepada PEGAWAI itu sendiri atau melalui wakil KERAJAAN, seperti mana yang ditetapkan oleh KERAJAAN.
- (c) KERAJAAN akan memberi elaun-elaun dan bantuan-bantuan lain yang PEGAWAI itu berkelayakan selain yuran Pengajian sama ada kepada PEGAWAI itu sendiri atau melalui wakil KERAJAAN, seperti mana yang ditetapkan oleh KERAJAAN.

3. Menyempurnakan Kursus Pengajian

PEGAWAI hendaklah menamatkan Pengajian dengan jaya dalam tempoh seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran atau dalam sesuatu masa sebagaimana yang diluluskan oleh KERAJAAN dengan memperolehi kelulusan seperti yang ditawarkan di dalam Surat Tawaran.

4. Syarat-Syarat Semasa Pengajian

4.1 Kursus Pengajian

- (a) PEGAWAI akan dengan bersungguh-sungguh dan sedaya upaya mengikuti Pengajian seperti yang dinyatakan di Surat Tawaran termasuk dan tidak terhad kepada menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial, ujian, peperiksaan dan apa-apa program yang diperlukan berkaitan dengan Pengajian PEGAWAI.
- (b) PEGAWAI tidak boleh menukar (bidang, peringkat atau mod) Pengajian dan/atau tempat Pengajiannya ke universiti, kolej atau institusi selain daripada yang ditetapkan oleh KERAJAAN tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (c) PEGAWAI tidak boleh melanjutkan tempoh dan/atau menangguhkan Pengajian tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (d) PEGAWAI hendaklah menyempurnakan Pengajian seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dan tidak boleh meninggalkan Pengajian sebelum sempurnanya Pengajian itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (e) PEGAWAI tidak boleh semasa dalam Tempoh Penajaan dan/atau tempoh Pengajian meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-Agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri yang disandang oleh PEGAWAI kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.

4.2 Memaklumkan Laporan Kemajuan Akademik Atau Keputusan Peperiksaan

PEGAWAI hendaklah melaporkan dengan segera kepada KERAJAAN, laporan kemajuan akademik dan/atau keputusan peperiksaan atau ujian penggal, semester, tahunan atau akhir yang diduduki oleh PEGAWAI dalam tempoh Pengajian sebaik sahaja keputusan peperiksaan atau ujian tersebut diisytiharkan oleh universiti, kolej atau institusi yang berkenaan.

4.3 Tamat Pengajian

PEGAWAI -

- (a) yang mengikuti Pengajian di universiti, kolej atau institusi di luar negara hendaklah kembali ke Malaysia dan melaporkan diri kepada KERAJAAN serta-merta selepas menamatkan Pengajiannya sama ada dengan jayanya atau tidak;
- (b) yang mengikuti Pengajian di universiti, kolej atau institusi di dalam Malaysia hendaklah melaporkan diri kepada KERAJAAN serta-merta selepas menamatkan Pengajiannya sama ada dengan jayanya atau tidak.

4.4 Disiplin

- (a) PEGAWAI hendaklah dalam tempoh Pengajian mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (b) PEGAWAI hendaklah dalam tempoh Pengajian sentiasa mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa di universiti, kolej atau institusi dari semasa ke semasa.
- (c) PEGAWAI tidak boleh dalam tempoh Pengajian melakukan perbuatan salah laku yang melanggar peraturan tata tertib atau undang-undang yang berkuat kuasa, atau peraturan oleh universiti, kolej atau institusi atau yang menjatuhkan nama baik KERAJAAN atau Malaysia.

4.5 Hasutan dan Tunjuk Perasaan

PEGAWAI tidak boleh pada bila-bila masa dalam Tempoh Pengajiannya -

- (a) Mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan seperti dan tidak terhad kepada menyedia, mencetak, membahagi atau mengedar apa-apa dokumen di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang pada pendapat KERAJAAN adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan; atau
- (b) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat KERAJAAN adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.

4.6 Menyertai Politik dan Pertubuhan

- (a) PEGAWAI tidak boleh mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan berunsur politik atau apa-apa kegiatan yang pada pendapat KERAJAAN boleh menjejaskan pengajiannya atau nama baik KERAJAAN.
- (b) PEGAWAI tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada KERAJAAN dan KERAJAAN, mengikut budi bicara mutlakanya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

- (c) PEGAWAI tidak boleh menjadi seorang ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah, pada pendapat KERAJAAN boleh ditafsirkan sebagai bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada KERAJAAN dan KERAJAAN, mengikut budi bicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu.

4.7 Syarat-Syarat Lain

- (a) PEGAWAI tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan Pengajiannya.
- (b) PEGAWAI tidak boleh dalam tempoh Pengajian mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh KERAJAAN tidak selaras dengan kepentingan PEGAWAI atau kepentingan Malaysia. Sekiranya PEGAWAI telah mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan dan kemudiannya telah diberitahu oleh KERAJAAN bahawa kegiatan tersebut adalah tidak selaras dengan kepentingannya atau kepentingan Malaysia maka PEGAWAI hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya.
- (c) PEGAWAI tidak boleh menerima apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa jua cara dan bentuk bantuan kewangan lain bagi tujuan Pengajiannya kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (d) PEGAWAI tidak boleh sepanjang tempoh Pengajiannya menerima dan membuat apa-apa pekerjaan sama ada yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN.
- (e) Jika KERAJAAN berpendapat PEGAWAI dalam mana-mana keadaan telah menerima apa-apa lebihan bayaran, maka PEGAWAI adalah bertanggungjawab untuk memulangkan lebihan bayaran itu kepada KERAJAAN dan KERAJAAN berhak untuk membuat tuntutan sekiranya PEGAWAI gagal memulangkan lebihan bayaran itu.
- (f) PEGAWAI tidak boleh melakukan apa-apa perkara yang boleh menyebabkan PEGAWAI ditamatkan Pengajian dan/atau dibuang dari universiti, kolej, atau institusi oleh pihak berkuasa universiti, kolej atau institusi.

5. Berkhidmat Dengan Kerajaan

- 5.1 PEGAWAI akan terus berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-Agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana badan yang dipersetujui oleh KERAJAAN dalam jawatan yang ditetapkan oleh KERAJAAN bagi tempoh seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian 6 Jadual** kepada PERJANJIAN ini berkuat kuasa mulai dari tarikh PEGAWAI kembali melapor diri berkhidmat setelah menamatkan Pengajian itu sama ada dengan jayanya ataupun tidak.
- 5.2 Tanpa menjejaskan keluasan maksud **Fasal 5.1**, PEGAWAI perlu menyempurnakan baki kontrak yang terdahulu untuk berkhidmat dengan KERAJAAN sekiranya ada, sebelum memulakan kontrak untuk berkhidmat di bawah PERJANJIAN ini.
- 5.3 Bagi maksud **Fasal 5.2**, penguatkuasaan kontrak terdahulu untuk berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-Agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri akan ditangguhkan sehingga PEGAWAI melapor diri untuk berkhidmat pada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan setelah menamatkan Pengajian sama ada dengan jayanya ataupun tidak.
- 5.4 Cuti Belajar dan Cuti Tanpa Gaji adalah tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada tempoh pelaksanaan kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-Agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri di bawah PERJANJIAN ini.

6. Pelanggaran dan Penamatan Perjanjian

6.1 Sekiranya PEGAWAI -

- (a) gagal Pengajiannya kerana tidak mencapai markah lulus/syarat siswazah yang ditetapkan oleh universiti, kolej atau institusi;
- (b) gagal menamatkan Pengajian mengikut Tempoh Penajaan dan termasuk apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh KERAJAAN;
- (c) dalam tempoh Pengajiannya ditamatkan Pengajian dan/atau penajaan kerana melakukan pelanggaran mana-mana perkara di bawah **Fasal 4.4** PERJANJIAN ini; atau
- (d) menarik diri atau meninggalkan Pengajian sebelum sempurnanya Pengajian itu tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada KERAJAAN,

maka PEGAWAI dianggap melanggar Fasal 3 PERJANJIAN ini dan dalam mana-mana hal yang demikian itu, KERAJAAN berhak menuntut ganti rugi atas pelanggaran tersebut dan PEGAWAI hendaklah bertanggungjawab bagi pihak dirinya-

- (i) membayar balik kepada KERAJAAN sekurang-kurangnya 25 peratus daripada kadar yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** kepada PERJANJIAN ini bagi pelanggaran di bawah **Fasal 6.1(a) dan 6.1(b)** tanpa menjejaskan hak KERAJAAN untuk menuntut pembayaran balik mengikut kadar penuh seperti yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** kepada PERJANJIAN ini. Bagi pelanggaran di bawah **Fasal 6.1(c) dan 6.1(d)**, kadar bayaran balik ialah mengikut kadar penuh yang dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** kepada PERJANJIAN ini. Pembayaran balik hendaklah dibuat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh notis tuntutan dikeluarkan oleh KERAJAAN;
- (ii) terus berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana badan yang dipersetujui oleh KERAJAAN dalam jawatan yang ditetapkan oleh KERAJAAN seperti yang dinyatakan di **Fasal 5** PERJANJIAN ini; dan
- (iii) membayar semua kos dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara-anakguam, untuk menuntut, menyaman atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah PERJANJIAN ini.

6.2 Sekiranya PEGAWAI -

- (a) selepas tamat Pengajian sama ada dengan jayanya atau pun tidak, gagal menyelesaikan tempoh kontrak perkhidmatan atau melakukan pelanggaran kepada mana-mana peruntukan di dalam **Fasal 5** PERJANJIAN ini;
- (b) dalam tempoh perkhidmatannya dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan kerana salah laku, kecuai, tidak mengendahkan kewajipan-kewajipannya atau atas apa-apa sebab sekalipun yang menyebabkan PEGAWAI boleh dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan;
- (c) dalam tempoh perkhidmatannya enggan atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan Kerajaan/Kerajaan Negeri/Agensi-agensi Kerajaan/Agensi-Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana badan yang dipersetujui oleh KERAJAAN tersebut selama tempoh masa yang dinyatakan dalam **Bahagian 6 Jadual** kepada PERJANJIAN ini;

- (d) dalam tempoh perkhidmatannya, berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan atau apa-apa pekerjaan lain yang telah diarahkan atau dipersetujui oleh KERAJAAN tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada KERAJAAN; atau
- (e) dalam Tempoh Penajaan dan/atau tempoh Pengajian melanggar peruntukan **Fasal 4.1(e)** PERJANJIAN ini;

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, KERAJAAN boleh menurut budi bicara mutlaknyanya, mengambil tindakan terhadap PEGAWAI dan PEGAWAI hendaklah bertanggungjawab bagi pihak dirinya -

- (i) apabila diminta, membayar balik kepada KERAJAAN pada kadar dinyatakan di **Bahagian 7 Jadual** kepada PERJANJIAN ini dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh notis diminta oleh KERAJAAN; dan
- (ii) membayar semua kos dan perbelanjaan termasuk dan tidak terhad kepada kos guaman atas dasar peguamcara-anakguam, untuk menuntut, menyaman atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah PERJANJIAN ini.

6.3 Walau apa-apa pun yang dinyatakan dalam **Fasal 6.1 dan 6.2** PERJANJIAN ini, KERAJAAN berhak dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada PEGAWAI untuk menamatkan kemudahan penajaan terhadap PEGAWAI yang dalam Tempoh Pengajian sekiranya PEGAWAI melakukan pelanggaran di bawah mana-mana fasal PERJANJIAN ini dan KERAJAAN berhak menuntut pembayaran balik apa-apa jumlah wang yang telah dikeluarkan di bawah PERJANJIAN ini termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan berkaitan.

7. Walau apa pun peruntukan lain di dalam PERJANJIAN ini, KERAJAAN boleh dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada PEGAWAI untuk menamatkan PERJANJIAN ini tanpa memberi apa-apa sebab, dan selepas tamat tempoh satu (1) bulan dari tarikh notis tersebut, maka PERJANJIAN ini adalah terbatal dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak KERAJAAN di bawah PERJANJIAN ini, segala faedah bagi dan tanggungan PEGAWAI di bawah PERJANJIAN ini adalah terhenti, melainkan jika pada masa itu PEGAWAI sedang dalam Pengajiannya dan berada di luar negara, maka KERAJAAN hendaklah memberi PEGAWAI tambang balik ke Malaysia mengikut jalan laut atau udara dan dengan mengikut kelas sebagaimana yang ditentukan oleh KERAJAAN.

8. Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada PERJANJIAN ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan apabila berkuat kuasa PEGAWAI adalah tertakluk kepada pindaan, tambahan atau perubahan tersebut.

9. Alamat dan Penyerahan Notis

- 9.1 PEGAWAI adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada KERAJAAN melalui notis bertulis, pertukaran alamat tetap dan alamat terkini PEGAWAI, jika ada.
- 9.2 Sebarang notis bertulis, tuntutan dan/atau proses pemula mahkamah yang perlu dihantar kepada PEGAWAI di bawah PERJANJIAN ini dianggap telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ia ditinggalkan atau dihantar melalui pos berdaftar di alamat terakhir yang diketahui.
- 9.3 Pengemukaan rekod rasmi yang mengandungi catatan bahawa notis bertulis, tuntutan dan/atau proses pemula mahkamah telah diposkan akan menjadi bukti penyerahan dokumen tersebut kepada PEGAWAI.

10. Masa sebagai intipati kepada Perjanjian

- 10.1 Masa di mana-mana disebut dalam PERJANJIAN ini adalah merupakan intipati kepada PERJANJIAN ini.

11. Pemakaian Undang-Undang

- 11.1 PERJANJIAN ini hendaklah dalam segala hal ditadbirkan dan ditentukan serta ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia
- 11.2 KERAJAAN berhak untuk memulakan prosiding berkenaan pelanggaran di bawah **Fasal 6** PERJANJIAN ini terhadap PEGAWAI di mana-mana mahkamah di Malaysia.
- 11.3 Pihak- Pihak bersetuju dan mengiktiraf serta menerima sebagai muktamad segala keputusan dan award oleh mahkamah Malaysia berkenaan sebarang pertikaian yang timbul dari PERJANJIAN ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam PERJANJIAN ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas:

PEGAWAI:

Tandatangan:

Nama: **ADFA**

Di hadapan Saksi:

Tandatangan:

Nama:

Alamat:

Pekerjaan:

No. Kad Pengenalan:

Cop Rasmi:

KERAJAAN:

Tandatangan:

Nama:

Di hadapan Saksi:

Tandatangan:

Nama:

Alamat:

Pekerjaan:

No. Kad Pengenalan:

Cop Rasmi:



JADUAL*(Dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini)*

BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
1.	Tarikh PERJANJIAN	hb 20
2.	PEGAWAI	Nama: ADFA No. Kad Pengenalan: Tarikh Lahir: 01/01/1970 Alamat Tetap: Emel:
3.	Surat Tawaran	No. Rujukan: JPA(I) Universiti: Tarikh:
4.	Jenis Kelulusan	
5.	Tempoh Penajaan	
6.	Tempoh Kontrak Berkhidmat Dengan Kerajaan: (a) Tamat Pengajian dalam Tempoh Penajaan; atau (b) Tamat Pengajian dengan Pelanjutan	() Tahun Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan
7.	Jumlah Tuntutan: (a) Tamat Pengajian dalam tempoh tajaan; atau (b) Tamat Pengajian dengan pelanjutan	KOS SEBENAR Rujuk Surat Kelulusan Pelanjutan

.....
t.t ringkas pegawai